

PIAGAM PELANGGAN PRASISWAZAH

1. Memaparkan maklumat pendaftaran dan jadual waktu kuliah dalam laman web Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik (<http://www.akademik.upm.edu.my>) / SMP-Menu Portal Pelajar MyJadual pada minggu ke-11 semester sebelumnya.
2. Memaparkan maklumat jadual waktu peperiksaan dalam laman web Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik / SMP-Menu Portal Pelajar MyJadual pada minggu ke-11 semester semasa.
3. Mengeluarkan keputusan peperiksaan akhir semester dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP) selewat-lewatnya satu (1) hari selepas disahkan oleh Senat UPM.
4. Memaparkan Notis Majlis dan Sesi Konvokesyen dalam laman web dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh Konvokesyen.
5. Memaklumkan keputusan pengecualian kursus kepada pelajar selewat-lewatnya pada hari terakhir minggu ke-4 semester selepas penerimaan permohonan lengkap daripada fakulti (untuk kursus antara universiti) dan daripada pelajar (untuk kursus dalaman antara fakulti).
6. Mengeluarkan surat kelulusan pertukaran program selewat-lewatnya pada hari terakhir minggu pertama semester pengajian.
7. Mengumumkan keputusan semakan gagal dan berhenti (GB) selewat-lewatnya pada hari Jumaat minggu kedua bulan September bagi semester kedua dan selewat-lewatnya pada hari Jumaat minggu kedua bulan Mac bagi semester pertama (Program Bacelor Sepenuh Masa).
8. Mengeluarkan surat tawaran kemasukan pelajar antarabangsa dalam tempoh enam (6) minggu selepas permohonan lengkap diterima bagi program tanpa temuduga.

Disahkan oleh:



TIMBALAN NAIB CANSELOR

(Akademik dan Antarabangsa, Universiti Putra Malaysia)

2017